

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK
KAWASAN : MAS GADING
TARIKH : 17 MAC 2015, SELASA

SOALAN:

YB. TUAN NOGEH ANAK GUMBEK (MAS GADING) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina dan menyediakan lampu-lampu jalan di sepanjang jalan daripada Pasar Batu 7 Kuching ke Pekan Bau.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Batu 7, Kuching ke pekan Bau, Sarawak ialah berstatus Jalan Negeri (Jalan 1004). Sehubungan itu cadangan untuk membina lampu jalan di sepanjang laluan berkenaan terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan memaklumkan cadangan tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya.

Sekian. Terima kasih.